

PUAK ALATKAN AGAMA DIDEDAH

PULAU PINANG, Sabtu. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, mendedahkan golongan anti-nasional yang menggunakan orang-orang Melayu dan agama Islam menjadi alat menentang Dasar Ekonomi Baru.

Setengah anggota golongan itu ialah anak-anak orang UMNO sendiri yang telah menikmati faedah dari pelaksanaan tersebut tetapi kini berpaling tadah untuk menentang dasar itu.

Berucap merasmikan kursus penerangan UMNO Negeri di Dewan Sri Pinang, Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan orang-orang Melayu jangan senang diperalat dan mudah gentar walaupun golongan tersebut

Oleh
ABDULLAH ISMAIL

menggunakan agama sebagai senjata mereka.

Dasar Ekonomi Baru, katanya, bukan saja merupakan kejayaan perjuangan UMNO, tetapi juga satu-satunya jalan yang boleh meningkatkan taraf hidup orang-orang Melayu yang sangat mundur itu.

Kerana dasar tersebut telah mula menunjukkan kejayaannya, maka parti-parti lawan, terutama dari kalangan bukan Melayu telah menentanginya, katanya. Bagaimanapun, golongan ini sedar selagi orang-orang Melayu sendiri menyokong dasar tersebut, tentangan mereka tidak akan berjaya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyebut, usaha awal menentang DEB dengan memeralatkan sosialisme telah gagal kerana orang-orang Melayu, terutama penuntut-penuntut di pusat

pengajian tinggi, sudah jijik dengan fahaman tersebut.

Melalui fahaman tersebut, katanya, mereka menuduh DEB akan menambah kayakan orang yang telah kaya dan menambahkan miskin golongan miskin.

Sekarang, menurut Timbalan Presiden UMNO itu, golongan tersebut cergas semula dengan memeralatkan orang-orang Melayu dan agama Islam dan menumpukan perhatian kepada para penuntut dalam dan luar negeri.

"Apa yang menyedihkan ialah adanya anak-anak ahli UMNO sendiri yang pergi ke luar negeri kerana adanya Dasar Ekonomi Baru, tetapi tidak bersetuju dan menentang dasar tersebut pula," katanya.

Beliau menasifatkan keadaan ini sebagai 'teruk dan perlu dipatahkan' di peringkat awal lagi.

"Yang lebih membahaya kerana golongan tersebut menggunakan agama

dan mengangap orang yang menentangnya sebagai menentang agama," katanya lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru anggota-anggota UMNO melengkapkan diri dengan pengetahuan dasar dan perjuangan parti bagi membolehkan mereka menolak sebarang usaha yang hendak menggagalkan dasar tersebut.

Beliau juga menyelar orang-orang luar yang menentang demokrasi yang kita amalkan sebagai tidak leberal. Wartawan-wartawan barat selalu mempertabankan tunjuk perasaan sebagai satu hak dalam demokrasi, katanya. Tetapi, jika tunjuk perasaan itu terkena kepada mereka sendiri seperti yang berlaku di Iran, mereka mengutuk pula tunjuk perasaan itu sebagai tidak baik.

Naib-President UMNO, Encik Ghafar Baba menutup kursus untuk 200 ketua pegawai penerangan UMNO cawangan dari seluruh negeri tersebut.